



Program *Nur Ramadhan* **2017**



Majlis Graduasi
Pelajar Zakat
Pulau Pinang
- PSDC
Kali Pertama

3



Bantuan Zakat
Dan Lawatan Ke
Atas Pelajar Mesir

4



Zakat
Bersama Anda
di Mydin

7

Nur Ramadhan 2017 / 1438H

Program Nur Ramadhan 2017



Program tahunan ini diadakan bagi mengagihkan sumbangan zakat kepada asnaf fakir miskin sempena bulan Ramadhan.

Program siri 1 telah berlangsung di Dewan Millenium, Kepala Batas pada 18 Mei 2017 lalu. Seramai 2,009 orang penerima bantuan bagi sekitar Seberang Perai. Majlis telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang dan YB Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan hal Ehwal Pengguna dan Dato' Hj Sazali Bin Haji Hussein, Pengarah JAIPP. Nilai agihan bantuan adalah berjumlah RM 1,325,940.00.

Program Nur Ramadhan siri ke-2 pula telah berlangsung di Tapak Pesta, Sungai Nibong pada 25 Mei 2017. Melibatkan penerima dari daerah Timur Laut dan Barat Daya. Seramai 786 orang penerima menerima agihan bantuan bernilai RM 518,760.00 pada hari tersebut.

Dalam majlis tersebut, Maybank Islamic Berhad turut bersama membantu asnaf di Pulau Pinang dengan menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM 575,759.35 bagi haul 2016.

Kesemua asnaf menerima wang tunai sebanyak RM 600 berserta hamper dan beras. Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang memperuntukkan keseluruhannya sebanyak RM 7,605,000.00 untuk diagihkan di sepanjang bulan Ramadhan. Moga dengan bantuan ini, meringankan beban asnaf fakir miskin. Terima kasih kerana berzakat di Zakat Pulau Pinang.

Dewan Millenium, Kepala Batas



Seramai 1,709 orang amil daripada qaryah di seluruh Pulau Pinang dilantik sebagai amil dalam Majlis Pentaulahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 1438H/2017M pada 16 Mei 2017 di Dewan Millenium, Kepala Batas. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Tiga buah syarikat korporat turut bersama membantu asnaf di Pulau Pinang dengan menyalurkan zakat perniagaan melalui Zakat Pulau Pinang dalam majlis ini. Tiga syarikat tersebut adalah Celcom Axiata Berhad, Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Berhad.

Sepanjang Ramadhan tahun 2016, sebanyak RM 3.9 juta wang hasil kutipan zakat fitrah telah diagihkan kepada seramai 8,881 orang asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri Pulau Pinang.

**Majlis
Pentaulahan Amil
Zakat Fitrah
Pulau Pinang
Tahun 1438H 2017M**

Majlis Graduasi Pelajar Zakat Pulau Pinang - PSDC Kali Pertama

Majlis Graduasi Pelajar tajaan Zakat Pulau Pinang - PSDC Kali Pertama telah berlangsung di The Olive Tree Hotel, Bayan Baru. Seramai 84 orang pelajar telah berjaya menamatkan Pengajian di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia, Tahap 3, di Penang Skill Development Centre (PSDC). Penganugerahan sijil telah disempurnakan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man.

ZPP membelanjakan sebanyak RM 2.38 juta dalam menjayakan program tajaan ini dalam memperkasakan golongan asnaf dari segi pendidikan dan pendapatan.

Anda telah membayai pengajian anak-anak asnaf dengan berzakat di Zakat Pulau Pinang. Terima kasih.



Kubang Menerong, Kepala Batas

Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Asnaf Fakir/Miskin Zakat Pulau Pinang telah diadakan bertujuan bagi mengeratkan silaturrahim antara Zakat Pulau Pinang, MAINPP dengan kumpulan asnaf yang menerima bantuan sumber zakat serta masyarakat Islam keseluruhannya.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Sebanyak 13 buah rumah telah diserahkan kepada asnaf yang layak. Nilai agihan zakat yang telah diagihkan pada majlis tersebut berjumlah RM 590,000.00. Setiap penerima bantuan mendapat sebuah rumah dengan nilai agihan di antara RM38,000.00 (rumah dua bilik) dan RM46,000.00 (rumah tiga bilik).

Sepanjang tahun 2016, Bantuan Bina Rumah yang telah diagihkan Zakat Pulau Pinang adalah seramai 32 orang asnaf dengan nilai agihan berjumlah RM1,431,000.00. Sementara Bantuan Baik Pulih Rumah yang telah diagihkan pula adalah seramai 111 orang asnaf dengan nilai bantuan berjumlah RM1,556,545.40. Semoga dengan bantuan ini, para asnaf dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Anda telah membantu keluarga ini dengan berzakat di Zakat Pulau Pinang. Terima kasih



Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Asnaf



Zakat Pulau Di Dalam Media



Nelayan terlantar akibat kemalangan

BATU KAWAN 7 JUN — Sebelum ini, Mohd. Faris Salleh berusaha bergerak dan berjaya sebagai nelayan bagi menyara keluarganya seberang pasir.

Namun, kemalangan berlaku pada November lalu menyebabkan nelayan tersebut sedia dia terpeleset di unit rawatan di Rumah Sakit (RSU) Hospital Pulau Pinang (HPP) selama seminggu akhir peringkorban otak.

Selapar, lembut dan membusuk dari baki di kepala dan karkamnya tidak bermula 26 tahun itu tidak seperti sedia kala apabila dia terluka kerana jatuh dari kapal dia yang mengalami akhirnya meninggal dunia.

Menurut kakaknya, Sri Hazah, sehingga kini rumah kehidupan adiknya adalah bersih-bersih ke dalam rumah sehari untuk mendapat rawatan mencuci luka di bawah badannya.

Selain itu, dua anak empat itu juga terpaksa mengalami rawatan sesudah di HPP setiap tiga bulan

bagi membolehkan doktor merawatkan keradaman mereka selain menjalani proses pemuliharaan.

Sebelum ini, Mohd. Faris memang bekerja bersama dua masyarakat bekas pengembara sebagai nelayan di Kampung Kuala Juro di sini sebelum dia terhadai kemalangan jatuhnya di Kampung Bagus Niyor mengakibatkan dia terlantar di rumah.

"Diri dia hanya bergantung kepada sahabat yang mengemaskini keadaan hidupnya termasuk makanan dan membeli lampu pakai buang wajah heti," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Siti Hazah berkata, dia hanya bergantung kepada pendapatan suaminya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan untuk membantu kos rumah dan sampai pakai buang wajah heti.

Katanya, adik-adiknya yang lain ada membuat nafkah masih tidak mencukupi kecuali kos tujuh Mohd. Faris agak mahal dan

menecah RM700 setiap hari kecuali cukup untuk raya hari.

Serangkaian tempahan bolongan lebih RM5,000 untuk kos rumah, lampu, air-stein serta untuk beli-belah dia klahui dan hospital.

"Setakat ini saya membayar pembiayaan dengan Zakat Pulau Pinang ZPP tetapi mendapatkan bantuan bolongan bagi menengahkan belum menggunakan dia bengku angwu," katanya.

Sementara itu, Ketua Kepimpinan Perhubungan Korporat ZPP, Khalid Arshar Zubaidi berkata, perniagaan bantuan Zakat Pulau Pinang sedang dipersusun untuk mengurangkan kekelelawan.

Beliau berkata, mereka akan memulakan bantuan kerangka bolongan kepada Mohd. Faris selepas RM3000 iaitu jumlah maksimum yang dipermudahkan untuk kas seperti itu.

Mereka yang ingin berhubung Sri Hazah, boleh menghubunginya di talian 077-4596641.

Dana zakat untuk perkasa pendidikan golongan asnaf

PANTAI JEJERAK — ZPPI telah mengadakan turut dilanjutkan oleh Majlis Daerah-Pelajar ZPP — MARDI PACD Pertama di sini hari ini.

Malah yang hadir antara ahli MARDI PACD pertama kali bertemu, Zaka Pulau Pinang (ZPP) membentuk kumpulan MARDI PACD Johor yang merupakan ahli pengajar dan pengajar pelajaran Bahagian Pengajaran Bahasa Melayu (BPM) dan Matematik (MMAT).

"Kebanyakan ahli pelajar yang terlibat dalam projek ZPP tidak lagi diluluskan di sekolah dan diluluskan ke universiti dan akademik." Pelajar-pelajar ini pula yang mengadakan pelajaran persendirian sendiri.

"Mardi pacaran-wadai-tulalim menggalakkan pelajar-pelajar untuk terus mengajar," ungkap ahli MARDI PACD Pertama di sini hari ini.

Mohd. Salleh bin Man, ketua MARDI PACD Johor yang bertemu dengan pelajar-pelajar berkata,



Mohd. Salleh bin Man (ketua MARDI PACD Johor yang bertemu dengan pelajar-pelajar berkata,

"Mardi pacaran-wadai-tulalim menggalakkan pelajar-pelajar untuk terus mengajar," ungkap ahli MARDI PACD Pertama di sini hari ini.

300 pelajar terima sumbangan kelengkapan sekolah ZPP



Mohd. Salleh bin Man (ketua MARDI PACD Johor yang bertemu dengan pelajar-pelajar berkata,

"Mardi pacaran-wadai-tulalim menggalakkan pelajar-pelajar untuk terus mengajar," ungkap ahli MARDI PACD Pertama di sini hari ini.

Hujung minggu lalu, pelajar-pelajar MARDI PACD Johor bersama-sama mewakili mereka untuk menghadiri acara bantuan kelengkapan sekolah ZPP di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Taman Gombak di Selayang, Kuala Lumpur.

"Antara orangtuanya yang terlibat dalam mengajar pelajar-pelajar ini," kata Salleh.

Hujung minggu lalu, pelajar-pelajar MARDI PACD Johor bersama-sama mewakili mereka untuk menghadiri acara bantuan kelengkapan sekolah ZPP di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Taman Gombak di Selayang, Kuala Lumpur.

"Antara orangtuanya yang terlibat dalam mengajar pelajar-pelajar ini," kata Salleh.

Bantuan Zakat Dan Lawatan Ke Atas Pelajar Mesir

Program penghantaran dan lawatan oleh Zakat Pulau Pinang dan beberapa pegawai Jabatan Agama Islam Pulau Pinang ke atas pelajar-pelajar penerima bantuan permulaan ke IPT luar negara (Mesir) telah diadakan. Para delegasi juga berkesempatan berkenan ke rumah sewa penuntut-penuntut Pulau Pinang di sana.

Untuk makluman, ZPP telah menyumbangkan bantuan sebanyak RM106,000 kepada 53 orang pelajar Pulau Pinang ke Mesir dalam suatu majlis yang telah diadakan baru-baru ini.

Anda telah membantu membiayai pengajian pelajar Pulau Pinang di luar negara dengan berzakat di Zakat Pulau Pinang. Terima kasih

**Kepala Batas,
Seberang Perai Utara**





6
Jeti Sultan Abdul Halim,
Butterworth



Majlis Anugerah Kecemerlangan Mutiara PDCA 2016 & Pelancaran Mutiara PDCA 2017

Majlis Anugerah Kecemerlangan Mutiara PDCA 2016 & Pelancaran Mutiara PDCA 2017 telah diadakan di Dewan SP Arena. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Datuk Zolkopli Dahlan.

Dalam program MPDCA, calon UPSR, PT3 dan SPM yang beragama Islam di Pulau Pinang berpeluang untuk mendapat tuisyen secara percuma menggunakan 25 modul yang dibuat khas. Beberapa teknik menjawab soalan akan diterangkan oleh guru-guru terbaik dari sekolah sekitar Pulau Pinang. Program yang dimulakan pada tahun 2006 ini telah menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar UPSR dan SPM di Negeri Pulau Pinang.

Program MPDCA adalah program kerjasama yang melibatkan beberapa agensi iaitu Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPN).

Majlis ini juga turut disertakan dengan Pelancaran Mutiara PDCA 2017 melibatkan penyerahan cek MPDCA 2017 daripada Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Modal Insan, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Kepada Jabatan Pendidikan Pulau Pinang yang bernilai RM6.8 Juta. (RM 1.6 Juta dari jumlah sumbangan adalah dari zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang).

Zakat Bersama Anda Di Jeti Feri Pulau Pinang

Zakat Pulau Pinang telah mengadakan program 'Zakat Bersama Anda' bertempat di Jeti Feri Sultan Abdul Halim, Butterworth. Program dengan kerjasama Penang Port tersebut bermula seawal jam 7.30 pagi. Sebanyak 400 goodies bag yang turut berisi info diedarkan kepada pengguna feri pada hari tersebut sebagai salah satu usaha dakwah serta promosi kepada masyarakat tentang aktiviti agihan dan kutipan zakat yang dilaksanakan oleh ZPP. Semoga info yang disampaikan memberi manfaat berguna buat ummah, Insha Allah.



Lawatan Pengurusan Uitm Pulau Pinang

Zakat Pulau Pinang telah menerima kunjungan daripada pengurusan UiTM Pulau Pinang. Dalam lawatan tersebut, rombongan diberikan taklimat dan penerangan berkenaan pengurusan zakat di Pulau Pinang. Semoga dengan lawatan ini dapat memberi maklumat berkaitan program-program agihan dan kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang serta mengeratkan hubungan Zakat Pulau Pinang dan UiTM Pulau Pinang.

Sumbangan Mesin Haemodialisis

Dato' Zaki Morad Mohamad Kader menyumbangkan 1 unit mesin haemodialisis yang bernilai RM 42,400 buat kegunaan pesakit-pesakit asnaf di PHZ (Pusat Haemodialis Zakat).

Dato' Zaki Morad Mohamad Kader turut diraikan bersama 3 lagi pembayar zakat korporat dalam satu majlis ringkas yang diadakan di ibu pejabat Zakat Pulau Pinang, Bukit Mertajam.

Moga Allah menilai sumbangan tersebut sebagai ibadah, melimpahkan ganjaran yang baik serta mengurniakan pahala jariah buat arwah ibu mertua beliau, al-Marhumah Hajjah Zainab. Ameen...



Zakat Bersama Anda Di Mydin

Zakat Pulau Pinang sekali lagi mengadakan program 'Zakat Bersama Anda', kali ini bertempat di Pasaraya Besar Mydin, Bertam. Program dengan kerjasama Pasaraya Besar Mydin ini bermula seawal jam 12.00 tengahari. Sebanyak 200 goodies bag telah diedarkan kepada para pelanggan sebagai salah satu usaha dakwah serta promosi kepada masyarakat tentang aktiviti agihan dan kutipan zakat yang dilaksanakan oleh ZPP. Semoga maklumat yang disampaikan memberi manfaat berguna buat ummah, Insya Allah.



7 FEBRUARI 2017 Bandar Perda.
Bank Islam Malaysia Berhad.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh Tuan Haji Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah Kumpulan BIMB.



14 APRIL 2017 Bandar Perda 1
Agrobank.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh Haji Abdul Halim Bin Haji Md Akib, Regional Director Pulau Pinang/Kedah/Perlis.



15 JUN 2017.
Hospital Pakar KPJ
Pulau Pinang.
Tahun Haul 2016.
Zakat diserahkan oleh Pengarah Eksekutif KPJ Pulau Pinang, Encik Roslan Ahmad.



16 MEI 2017 Dewan Millenium
Celcom Axiata Berhad.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh En. Areehan Haji Abdullah, Ketua Perhubungan Kerajaan Dan Jenama Celcom.



16 MEI 2017
Telekom Malaysia.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh Tuan Haji Ahmad Azhari Ismail, Pengurus Besar Negeri TM Pulau Pinang.



16 MEI 2017
Tenaga Nasional Berhad.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh Tuan Haji Ahmad Azhari Ismail, Pengurus Besar Negeri TM Pulau Pinang.



18 MEI 2017
Maybank Islamic Berhad.
Tahun Haul 2016.
Diserahkan oleh Tuan Haji Jamal Yusoff, Pengurus Besar TNB.



19 JUN 2017 Bandar Perda.
ANGKASA.
Tahun Haul 2016.
Zakat Perniagaan diserahkan oleh Tuan Haji Shaik Ismail Md Allipitchay, Pengurus Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri.



19 JUN 2017 Bandar Perda.
Bank Muamalat Malaysia Berhad.
Tahun Haul 2016.
Zakat Perniagaan diserahkan oleh Tuan Haji Nik Mohd Hashim, Pengurus Wilayah Utara, Bank Muamalat Malaysia.



19 JUN 2017, Bandar Perda.
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.
Tahun Haul 2016.
Zakat Perniagaan diserahkan oleh En. Khairul Rizal Abdullah, Ketua Wilayah Utara PUNB.



29 MAC 2017, Seri Mutiara.
Tabung Haji
Tahun Haul 2016.
Diserah oleh YBhg. Dato Seri Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji



31 MEI 2017.
PLUS.
Tahun Haul 2016.
Diserah oleh YBhg. Datuk Azman Ismail, Pengarah Urusan PLUS.

Analisa

ANALISA AGIHAN ZAKAT DARI 1 JANUARI 2017 - 15 JUN 2017

PROGRAM ASNAF PERBELANJAAN

FAKIR	RM 3,070,440.00
MISKIN	RM 20,707,588.00
AMIL	RM 1,567,887.00
MUALLAF	RM 1,001,567.00
GHORIMIN	RM 943,179.00
IBNU SABIL	RM 146,631.00
FISABILILLAH	RM 14,359,314.00

ANALISA KUTIPAN ZAKAT DARI 1 JANUARI 2017 - 15 JUN 2017

PENERANGAN

JUMLAH (RM)

ZAKAT PENDAPATAN	RM 23,879,670.00
ZAKAT PERNIAGAAN	RM 9,979,915.00
ZAKAT WANG SIMPANAN	RM 5,183,472.00
ZAKAT SAHAM	RM 136,513.00
ZAKAT KWSP	RM 1,078,401.00
ZAKAT EMAS	RM 453,054.00
ZAKAT PERAK	RM 947.00
QADHA ZAKAT	RM 115,543.00
ZAKAT HARTA	RM 749,532.00
ZAKAT TANAMAN	RM 175,554.00
ZAKAT TERNAKAN	RM 1,800.00